

## STERIL

### *Pemalut Formula Gel Kawalan*

#### ARAHAN PENGGUNAAN

#### PENERANGAN PRODUK

Pemalut Formula Gel Kawalan DuoDERM® CGF® merupakan pemalut sentuhan luka pelekat (hidrokoloid). Hidrokoloid terkandung di dalam kain pemalut. Lapisan pelekat mengandungi polimer yang meningkatkan keupayaan pemalut untuk menahan eksudat luka dengan membentuk gel melekit.

Pemalut melekat sendiri menyerap bendalir luka dan menyediakan persekitaran lembap yang menyokong proses penyembuhan tubuh dan membantu mengeluarkan bahan yang tidak perlu dari luka (debridmen autolitik) tanpa merosakkan tisu baharu.

Pemalut Formula Gel Kawalan DuoDerm CGF boleh digunakan bersendirian atau secara gabungan dengan produk penjagaan luka yang lain seperti yang diarahkan oleh pakar kesihatan anda.

Pemalut Formula Gel Kawalan DuoDerm CGF bertindak sebagai sekatan kepada luka terhadap pencemaran bakteria, virus dan pencemaran luar lain. Pemalut telah ditunjukkan dalam eksperimen makmal untuk menyekat laluan bakteria dan virus termasuk Virus Imunodefisiensi Manusia (HIV-1) ketika pemalut kekal utuh tanpa kebocoran. Penggunaan peranti ini tidak menjamin mahupun memberi waranti terhadap transmisi AIDS.

#### INDIKASI

##### *Untuk Penggunaan Melalui Kaunter:*

DuoDerm CGF boleh digunakan untuk:

- melecet kecil
- pelecetan
- luka kecil
- melecur dan luka terbakar kecil
- koyakan kulit

##### *Di bawah penyeliaan pakar kesihatan, DuoDerm CGF boleh digunakan untuk luka seperti:*

- ulser kaki (ulser stasis vena, ulser arteri dan ulser kaki etiologi campuran), ulser diabetik dan ulser tekanan (ketebalan sebahagian & penuh)
- luka pembedahan (pasca pembedahan, tapak penderma, eksisi dermatologi)
- luka terbakar (darjah pertama dan kedua)
- luka traumatik

\* meminimumkan potensi pendedahan kepada agen nosokomial atau berjangkit

#### KONTRAINDIKASI

Tidak seharusnya digunakan pada individu yang sensitif kepada atau yang mempunyai tindak balas alergi kepada pemalut atau komponennya.

#### LANGKAH BERJAGA-JAGA DAN PEMERHATIAN

- **Amaran:** Kesterilan adalah dijamin melainkan jika pakej telah rosak atau dibuka sebelum digunakan. Peranti ini hanya untuk penggunaan tunggal sahaja dan tidak boleh digunakan semula. Penggunaan semula boleh menyebabkan peningkatan risiko jangkitan dan pencemaran silang. Sifat fizikal peranti mungkin tidak lagi optimum untuk tujuan penggunaan asal.
- Jangan gunakan produk ini dengan produk penjagaan produk lain tanpa terlebih dahulu merujuk kepada pakarkesihatan.

- Semasa proses penyembuhan biasa tubuh, bahan yang tidak perlu dikeluarkan dari luka, yang boleh menjadikan luka kelihatan lebih besar selepas beberapa penukaran pembalut. Jika luka terus menjadi lebih besar selepas beberapa penukaran pembalut pertama, rujuk kepada pakar kesihatan.
- Sekiranya anda melihat kerengsaan (kemerahan, keradangan), maserasi (pemutihan kulit), hipergranulasi (pembentukan tisu berlebihan) atau sensitiviti (tindak balas alergi), hubungi pakar kesihatan.
- Penukaran pembalut yang kerap pada luka dengan kulit yang rosak atau halus di sekitar luka adalah tidak disyorkan. Luka perlu diperiksa semasa penukaran pembalut. Hubungi pakar kesihatan jika (1) tanda jangkitan berlaku (kesakitan meningkat, pendarahan, saliran luka), (2) terdapat perubahan dalam warna luka dan/atau bau, (3) luka belum mula menunjukkan tanda penyembuhan dan (4) sebarang gejala tidak dijangka yang lain berlaku.
- Pembalut boleh digunakan pada luka yang dijangkiti hanya di bawah penjagaan pakar kesihatan.
- Penggunaan peranti ini tidak menjamin mahupun memberi waranti terhadap transmisi AIDS.

**Selain itu, untuk ulser kaki, (ulser stasis vena, ulser arteri dan ulser kaki etiologi campuran), ulser diabetes, ulser tekanan, luka terbakar (darjah pertama dan kedua), luka pembedahan dan luka traumatik:**

- Rawatan jenis luka yang di atas perlu di bawah pengawasan pakar kesihatan.
- Langkah sokongan yang sesuai hendaklah diambil di mana dinyatakan (cth., penggunaan pembalut mampatan berperingkat dalam pengurusan ulser kaki vena atau langkah pelepasan tekanan dalam pengurusan ulser tekanan).
- Penjajahan luka kronik adalah perkara biasa dan bukannya kontraindikasi kepada penggunaan pembalut. Pembalut boleh digunakan pada luka yang dijangkiti di bawah penyeliaan perubatan bersama dengan terapi yang sesuai dan pemantauan kerap luka. Dengan kehadiran jangkitan anaerobik klinikal, terapi oklusif tidak disyorkan.
- Kawalan glukosa darah serta langkah sokongan yang bersesuaian, perlu diberikan kepada ulser kaki diabetes.

#### **ARAHAN PENGGUNAAN**

Sebelum menggunakan pembalut, bersihkan kawasan luka dengan agen pembersih luka atau salin biasa dan keringkan kulit di sekelilingnya.

Saiz pembalut yang akan dipasang pada luka hendaklah sekurang-kurangnya memanjang 1 1/4 inci (3.2 cm) di luar tepi luka.

1. Keluarkan kertas pelepas dari belakang pembalut dengan berhati-hati untuk meminimumkan sentuhan jari dengan permukaan pelekat.
2. Pegang pembalut di atas luka dan luruskan bahagian tengah pembalut dengan bahagian tengah luka.
3. Gulungkan pembalut perlahan-lahan di atas luka.
4. Bentukkan pembalut ke tempatnya menggunakan tangan anda.
5. Kemaskan tepi pembalut dengan pita perubatan atau pelekat, jika tambahan keselamatan diinginkan.
6. Buang mana-mana bahagian produk yang tidak digunakan selepas membalut luka.

**NOTA:** Pembalut perlu diperiksa secara kerap untuk kebocoran dan pengumpulan/penggulungan ke atas bahagian hujung. Jika mana-mana ini berlaku, pembalut perlu ditukar. Sambil bendalir luka diserap oleh pembalut, pembentukan gel mungkin kelihatan pada permukaan luar pembalut.

#### **PENANGGALAN PEMBALUT**

1. Tekan ke bawah di atas kulit menggunakan satu tangan dan berhati-hati angkat hujung pembalut dengan tangan anda yang lain. Gulungkan perlahan-lahan dari luka.

**Masa pakai maksimum yang disyorkan ialah sehingga tujuh hari.**

#### **ARAHAN STORAN**

Simpan pada suhu bilik. Elakkan penyejukan dan pendedahan kepada kelembapan tinggi.

Sekiranya maklumat atau panduan lanjut diperlukan, sila hubungi Jabatan Perkhidmatan Profesional ConvaTec di 1-800-422-8811.

Dibuat di Republik Dominica

© 2017 ConvaTec Inc.

® menunjukkan tanda dagangan ConvaTec Inc.



Jangan Guna Semula

**STERILE R**

Disterilkan dengan Sinaran Gamma

**REF**

Nombor Pesanan



Pastikan kering



Simpan pada Suhu Bilik



Baca Arahan Penggunaan



Jangan Guna jika Bungkusannya Rosak

**LOT**

Nombor Lot



Tarikh Tamat Tempoh



Pengilang (EU)